

Bil. S 10

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA MATAWANG) (PINDAAN), 1998

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah membuat Perintah yang berikut –

Gelaran dan
Permulaan
Kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Matawang) (Pindaan), 1998 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 1998.

Pindaan
bab 3 dari
Penggai 32.

2. Akta Matawang adalah dipinda dalam bab 3 –

- (a) dengan memasukkan dalam ceraiian (3)(a) sejurus selepas perkataan-perkataaan "Menteri Kewangan" perkataan-perkataaan "atau sebagai gantinya seseorang yang dilantik atas nama oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan" ;
- (b) dengan memotong ceraiian (4) dan menggantikannya dengan yang berikut –

"(4) Menteri Kewangan hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga :

Dengan syarat bahawa jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah melantik seseorang sebagai ganti Menteri Kewangan di bawah ceraiian (3)(a), orang itu hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga."

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 6 haribulan Mei, Tahun Masihi 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**